

Persijilan IPT	Kursus	Mata PBU
Komponen Teori Komponen Amali		15 mata 15 mata
Modul Kompetensi Wajib (MKW)		30 mata
Modul Guru Wajib (MGW)		30 mata
Kaedah Penyelidikan		30 mata
Cuti Sabatikal/Post Doctorate		Mata Penuh PBU
Tempoh 6 bulan dan dijalankan di luar UUM		
Cuti Sabatikal/Post Doctorate		Separuh dari Mata PBU
dalam UUM		
* Perlembagaan Malaysia		6 mata
Komunikasi Silang Budaya		6 mata
AUKU dan Hala Tuju Universiti		6 mata
** Protokol dan Etik Sosial		6 mata

Catatan:

Penawaran kursus Perlembagaan Malaysia akan dijalankan pada tahun 2010 manakala Kursus Komunikasi Silang Budaya dan Kursus Protokol akan menjadi kursus pilihan. Begitu jugalah sekiranya Kursus Komunikasi Silang Budaya ditawarkan sebagai kursus wajib, Kursus Malaysia Kita dan Kursus Protokol akan menjadi kursus pilihan.

*Dikecualikan kepada pensyarah Undang-undang

**Diwajibkan staf gred 41 dan ke atas.

4.4.4

Pengumpulan Mata PBU

Pengumpulan mata PBU pada tahun semasa **TIDAK** dibenarkan untuk dibawa ke tahun hadapan.

5.0 PENILAIAN

5.1 Pengumpulan Mata PBU

5.1.1 Latihan yang dianjurkan oleh Unit Latihan, rekod mata PBU akan dikemaskini secara automatik.

5.1.2 Rekod kemajuan PBU bagi latihan yang dianjurkan oleh PTJ lain atau agensi-agensi luar perlu dikemukakan kepada Unit Latihan dalam tempoh dua minggu dari tempoh pelaksanaan dengan mengemukakan perkara berikut:-

- Salinan siji atau dokumen kehadiran aktiviti atau
- Bukti-bukti sokongan lain

5.1.3 Permohonan pengumpulan mata hendaklah dibuat melalui borang permohonan yang disediakan/melalui sistem.

5.1.4 Kaedah Penilaian dan Penentuan Aras PBU

Penentuan aras 4 untuk maksud anjakan gaji, staf perlu mengemukakan permohonan kepada pihak urusetia setelah memenuhi 42 mata dan bersedia untuk membuat pembentangan/temubual.

Kaedah penentuan aras bagi setiap gred jawatan ditentukan seperti berikut:-

1) PENTADBIRAN

Kumpulan Perkhidmatan	Aras	Mata PBU	Keterangan
Gred 41 – 54 Mata minimum 42	I	<42	Tidak mencapai mata minima
	II	≥42	Capai mata minimum + tidak melengkapkan laporan kursus
	III	≥42	Capai mata minima + melengkapkan laporan kursus
	IV	≥42	Mencapai Aras III + Lulus dengan cemerlang dalam penilaian Kaedah penilaian: Tugasan dan Persempaian (Penilaian dijalankan oleh Panel yang dilantik oleh Ketua Sektor PBU berkenaan)